

# Ragu kekasih berfahaman Wahabi

Wanita dalam dilema mahu teruskan atau putus hubungan dengan teman lelaki

## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

sebagai A. Melalui perkenalan tidak terduga ini hubungan kami bertambah rapat.

Malah, keluarga kami juga tidak menghalang kerana mereka yakin dengan keikhlasan A. Biarpun sedang di alam percintaan, kami tetap menjaga syariat.

Saya pernah bertanya pada A mengapa dia mahu menjalin hubungan dengan

saya. A memberitahu pertama kali melihat saya dia bertemu kedamaian.

Memang tidak dinafikan saya berpakaian menutup aurat. Saya bertudung labuh serta sentiasa menutup aurat dengan sempurna.

Bagaimanapun, terjadi satu peristiwa yang tidak disangka ketika A singgah menunaikan solat di rumah keluarga saya. Saya melihat A solat dengan tidak menyapu tangan ke muka dan tidak berdoa.

Saya amat terkejut dan hati saya kuat mengatakan A berfahaman Wahabi. Untuk mendapat maklumat lanjut saya ada bertanya dengan kawannya. Tidak syak lagi A berfahaman Wahabi.

Untuk pengetahuan, fahaman ini diasaskan Muhammad Abdul Wahab pada zaman permulaan pembukaan Arab Saudi. Fahaman ini terus menerus kepada Rasulullah SAW, tidak berpandukan kepada Sahabat, tabiin, tabitabien, hatta

jumlah ulama.

Sebagai contoh, fahaman Wahabi yang biasa terlihat antaranya mereka tidak berselawat kepada Nabi Muhammad SAW dan tidak meraikan sambutan Maulidur Rasul.

Pada pendapat Dr, adakah kerana perbezaan fahaman ini kami perlu meneruskan perhubungan atau tidak demi kebaikan bersama pada masa depan.

A seorang yang baik, namun perbezaan fahaman ini mengundang dilema.

## BERBELAH BAHAGI Klang, Selangor

! Benar, cinta yang hadir dengan kesucian agama adalah cinta sejati yang kekal indah. Dr faham dan empati dengan permasalahan cinta yang adik alami. Secara psikologi, pegangan hidup serta nilai individu penting.

Dalam sesuatu hubungan, sekiranya terdapat perbezaan besar dalam isu pokok, ia bo-

leh saja memberi kesan besar kepada keharmonian hubungan itu.

Sebaliknya, jika ia berkaitan dengan perkara kecil dan nilai utama sesuatu pasangan masih melengkap, individu boleh berbincang dengan pasangannya.

Pasangan itu hanya tidak bersetuju dalam perkara kecil.

Nilai berguna dalam memberi huluah gaya hidup dan bagaimana sesuatu gaya hidup itu dibentuk. Ia juga penting sebelum mana-mana pasangan memasuki perhubungan yang lebih serius. Jika tidak, individu atau pasangan boleh berkonflik daripada sekecil-kecil sehinggalah sebesar-besar perkara.

Pasangan yang mempunyai nilai yang sama lebih berkongsi gaya hidup yang baik daripada pasangan yang sering kali berbeza pandangan dan gaya hidup.

Sejujurnya, dalam permasalahan adik yang berkaitan fahaman Wahabi, Dr harap

adik akan merujuk kepada pihak yang lebih arif dalam bidang ini.

Dr cadangkan adik bertemu kaunselor atau pegawai yang bertugas di pejabat agama. Penerangan yang lebih teliti akan adik peroleh.

Sebarang keputusan sama ada untuk meneruskan atau memutuskan hubungan kerana perbezaan fahaman perlu adik lakukan selepas adik mendapat maklumat yang benar-benar meyakinkan mengenai fahaman Wahabi.

Seperti adik katakan, A seorang yang alim dan amat susah hendak mencari lelaki sebaiknya. Justeru, sebarang keputusan yang adik ambil perlu dilakukan sebaik-baiknya selepas mengambil kira segala aspek terutama dari aspek akidah serta mendapat maklumat secukupnya mengenai isu ini.



## Jejaka budiman ditinggal sepi

! Saya jejaka budiman yang tewas dengan kehampaan cinta. Saya sangat kecewa dengan sikap teman wanita kerana selama ini dia rupanya hanya mempersendakan perhubungan, kesetiaan dan pengorbanan saya.

Hubungan kami memecah hampir sembilan tahun bermula dari sekolah menengah hingga melanjutkan pengajian di universiti. Saya sangat sayangkannya hingga sanggup berkorban wang ringgit.

Menyedihkan kerana sebelum teman wanita menamatkan pengajian di universiti, dia banyak menyepikan diri. Namun, dia masih meminta wang daripada saya. Apabila saya menghubunginya dia minta saya putus per-

hubungan kerana sudah tiada perasaan terhadap saya.

Alasannya ialah hatinya dimiliki jejaka lain. Saya hampa dan terkilang sebab saya sanggup korbankan usia muda semata-mata menunggu dia tamat pengajian. Saya ingin menyuntingnya.

Kini, umur saya sudah melepasi 30-an. Saya anggap dialah cinta sejati kerana memberi harapan dan perangsang ketika saya putus cinta dulu. Saya sudah banyak kali putus cinta.

## JEJAKA BUDIMAN Kuala Lumpur.

! Cinta itu memang indah jika kita memilikinya. Sebaliknya amat pahit jika ia semakin lari jauh meninggalkan kenangan indah yang semakin sayup serinya. Bercinta bertahun-tahun, namun

soal jodoh hanya ketentuan Tuhan.

Secara psikologi, sememangnya tidak hairan jika adik berasa terganggu dan berada dalam konflik. Berasa dipunyai, disayangi, mempunyai dan menyayangi adalah sebahagian daripada keperluan hidup manusia. Keinginan ini melengkap kehidupan manusia.

Justeru, apabila perasaan disayangi teman wanita sudah tidak lagi wujud, sebahagian daripada diri adik juga seolah-olah dibawa jauh, hilang entah ke mana.

Seolah-olah diri berasa tidak dihargai apabila teman wanita beralih kasih. Adik kehilangan diri sendiri kerana adik adalah sebahagian daripada percintaan itu.

Dalam konteks ini, apa yang adik boleh lakukan ialah mengalami sendiri kepedihan itu. Rasai kesedihan

dan demi masa, segala kepedihan dan keperitan putus cinta akan hilang sedikit demi sedikit.

Dr faham, bercakap memang mudah tapi orang yang mengalami terasa bebanan yang begitu tinggi. Dalam konteks ini, tiada yang lebih baik daripada merasai segala yang berlaku ada hikmah tersendiri.

Begitu juga, berfikirkan positif bahawa soal jodoh bukanlah hak ketentuan manusia. Lakukan juga aktiviti yang boleh membawa adik lari daripada mengingatkan kenangan manis bersama teman wanita.

Lakukan aktiviti yang membawa kepada rasa bahawa hidup ini masih lagi penuh dengan keindahan, walaupun teman wanita sudah tidak lagi ingin menyumbang kepada rasa keindahan itu.

